



19 OCT, 2020

Belanjawan 2021 dijangka menjurus pemulihan ekonomi menyeluruh: Pakar

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 1 of 2

Belanjawan 2021 dijangka menjurus pemulihan ekonomi menyeluruh: Pakar

KUALA LUMPUR: Belanjawan 2021 yang dijadual dibentangkan di parlimen pada 6 November ini dijangka lebih menjurus kepada pelan pemulihan ekonomi secara keseluruhan selepas menerima kesan negatif daripada pandemik COVID-19.

Ketua Jabatan Penasihat dan Penyelidik Exim Bank, Zabedah Giw berkata kestabilan ekonomi menjadi keutamaan bagi semua pihak dalam memacu hala tuju masa depan pembangunan negara ke arah kemampanan.

"Ia perlu mengambil kira program pembangunan masa

hadapan untuk mewujudkan peluang pekerjaan yang lebih mantap, lebih berlandaskan teknologi dan yang dapat mengurangkan risiko atau memberi impak kepada pendapatan sekiranya keadaan seperti ini (COVID-19) terjadi lagi.

"Pada masa sama, kemampanan aktiviti ekonomi juga mengambil kira inisiatif kerajaan sebelum ini, yang telah mewujudkan (program) ekonomi digital dan Industry4ward (Industri 4.0)," katanya semasa menjadi tetamu menerusi Skype bagi program Ruang Bicara yang disiarkan Bernama TV pada Jumaat.

Ruang Bicara yang dihoskan Sherkawi Jirim itu membincangkan tajuk 'Bajet 2021 Dalam Situasi Politik dan Ekonomi Semasa'.

Zabedah berkata komuniti perniagaan dan ekonomi itu sendiri juga perlu mempunyai model ekonomi yang jelas apabila menerima guna teknologi dalam rantaian bekalan perniagaan mereka seperti penggunaan kecerdasan buatan.

"Aspirasi ekonomi itu sendiri perlu menjurus ke arah kecemerlangan dengan ia perlu disokong menerusi penerusan dasar pendidikan sedia ada. — Bernama



19 OCT, 2020

Belanjawan 2021 dijangka menjurus pemulihan ekonomi menyeluruh: Pakar

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KUALA LUMPUR: Belanjawan 2021 yang dijadual dibentangkan di parlimen pada 6 November ini dijangka lebih menjurus kepada pelan pemulihan ekonomi secara keseluruhan selepas menerima kesan negatif daripada pandemik COVID-19. Ketua Jabatan Penasihat dan Penyelidik Exim Bank, Zabedah Giw berkata kestabilan ekonomi menjadi keutamaan bagi semua pihak dalam memacu hala tuj u masa depan pembangunan negara ke arah kemampanan.